

i-DoubleSecure

Tidak terlalu awal untuk memikirkan tentang orang tersayang.

Etiqua Online 1300 13 8888
www.etiqua.com.my



 www.facebook.com/etiqua

Etiqua Family Takaful Berhad (266243-D)
(Dahulu dikenali sebagai Etiqua Takaful Berhad)
(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam
2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
Dataran Maybank, No.1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

Diunderait oleh:
eTiqa
Takaful



Ahli Kumpulan 

eTiqa
Takaful

Lindungi diri anda untuk melindungi orang yang anda sayangi.

Lindungi diri anda dengan pelan i-DoubleSecure bagi menyediakan orang tersayang dengan sejumlah bayaran tunai apabila anda meninggal dunia ataupun hilang upaya menyeluruh dan kekal; serta manfaat tambahan sekiranya berlaku kemalangan.

Di Malaysia, terdapat **374 kematian setiap hari** pada tahun 2012 (*Sumber: Perangkaan Penting Malaysia 2012, Jabatan Statistik, Malaysia, November 2013*), dan **1 daripada 11 lelaki berumur 35 tahun mungkin meninggal dunia sebelum mencapai hari lahir ke-55** (*Sumber: Jadual Hayat Ringkas Malaysia 2010-2013, Jabatan Statistik, Malaysia, November 2013*).

Manfaat Utama

Manfaat Kematian

Sekiranya berlaku kematian, orang tersayang akan menerima 100% daripada Jumlah Asas yang Dilindungi berserta syer dari sebarang agihan lebihan yang terkumpul daripada Dana Risiko Peserta. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kematian dalam tahun pertama sijil, jumlah sumbangan yang telah dibayar akan dipulangkan.

Untuk kematian akibat kemalangan, tambahan 100% daripada Jumlah Asas yang Dilindungi akan dibayar. Walau bagaimanapun, tiada manfaat tambahan dibayar pada kematian akibat kemalangan yang berlaku selepas ulang tahun sijil berikutnya setelah hari lahir ke-69 anda.

Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

Sekiranya berlaku HUMK, anda dan orang tersayang anda akan menerima 100% daripada Jumlah Asas yang Dilindungi berserta syer dari sebarang agihan lebihan yang terkumpul daripada Dana Risiko Peserta.

Untuk HUMK akibat kemalangan, tambahan 100% daripada Jumlah Asas yang Dilindungi akan dibayar. Tiada manfaat dibayar bagi HUMK selepas ulang tahun sijil berikutnya setelah hari lahir ke-64 anda.

Perlindungan Fleksibel

Perlindungan fleksibel dengan 3 jenis Jumlah yang Dilindungi untuk dipilih, iaitu, RM50,000, RM100,000 dan RM200,000.

Asas Kontrak

Pelan ini adalah berasaskan konsep Tabarru', di mana Peserta bersetuju menyumbang atau menderma jumlah tertentu ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) bagi tujuan membantu antara satu sama lain di saat memerlukan.

Pelan ini juga mengaplikasikan konsep Wakalah, di mana Peserta melantik Etiqa Family Takaful Berhad bagi mewakili pihak Peserta untuk menguruskan DRP. Fi Wakalah dibayar kepada kami untuk menanggung kos pengurusan dan pengedaran pelan ini.

Fi Wakalah adalah sebanyak RM60 setiap tahun bagi setiap sijil dan 25% atas jumlah sumbangan yang diterima pada tahun pertama sijil dan 6% pada tahun berikutnya.

Sumbangan ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam DRP. Lebihan pengunderaian hasil daripada DRP, boleh diagihkan mengikut dasar lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami. 50% daripada sebarang lebihan agihan akan dikongsi di antara peserta-peserta yang sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada kami sebagai fi prestasi kerana mengendali dan menguruskan DRP.

Jika amaun mana-mana jumlah yang perlu dibayar kepada anda atau mana-mana orang yang berhak di bawah Sijil ini kurang daripada RM10, kami akan mengkreditkan jumlah tersebut ke dana kebajikan, yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak Peserta.

Kelayakan

Anda layak untuk menyertai jika anda berumur sekurang-kurangnya 17 tahun dan kurang daripada 55 tahun, tertakluk kepada pematuhan kriteria kami bagi tahap minimum kesihatan.

Pengecualian

Untuk memastikan manfaat di bawah pelan ini berpatutan, pelbagai pengecualian dikenakan ke atas manfaat yang perlu dibayar: Kematian yang disebabkan oleh bunuh diri ketika waras pada tahun pertama selepas berkuat kuasa, jumlah sumbangan yang telah dibayar akan dikembalikan. Pada tahun yang berikutnya, hanya 60% daripada Jumlah yang Dilindungi akan dibayar.

Dan bagi HUMK atau manfaat tambahan disebabkan oleh kemalangan, tiada manfaat akan dibayar apabila kejadian atau keadaan yang berikut berlaku secara langsung atau tidak langsung:

1. Kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau cubaan membunuh diri, ketika waras;
2. Penyertaan di dalam sebarang perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, tindakan keganasan atau kekecohan awam;
3. Penggunaan alkohol, dadah atau narkotik tanpa preskripsi atau menyalahi undang-undang;
4. Penyertaan dalam sukan atau aktiviti berbahaya;
5. Penerbangan selain menggunakan laluan tetap yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial;
6. Provokasi fizikal dan ganas;
7. Penyedutan racun, gas atau wasap; atau
8. Pencemaran radioaktif.

Senarai di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai maklumat di atas, sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk atau hubungi Etiqa Online di talian 1300 13 8888.

Nota Penting

1. Risalah ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen. Maklumat yang terkandung dalam risalah ini mungkin akan dipinda tanpa notis terlebih dahulu.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya, dan bayaran sumbangan di bawah pelan ini adalah jumlah yang anda mampu.
3. Anda diberi tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh akhir bayaran sumbangan. Anda perlu meneruskan bayaran sumbangan anda secara tetap sehingga pelan anda matang bagi memastikan anda layak untuk manfaat. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan pelan perlindungan anda tamat lebih awal dari sepatutnya.
4. Anda mempunyai hak untuk membatalkan sijil ini, dengan menghantar arahan bertulis kepada kami dalam masa 15 hari selepas anda menerima sijil tersebut. Sekiranya anda memilih untuk membatalkan dalam masa 15 hari, kami akan membayar balik sumbangan yang telah diterima.
5. Pelan ini mungkin melayakkan anda untuk melepaskan cukai peribadi bergantung pada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
6. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada buku panduan *Insuranceinfo* mengenai 'Takaful Keluarga'. Buku panduan ini boleh didapati di semua cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my.